

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sekatan, peraturan atau protokol rasmi telah ditetapkan untuk menyelaraskan lawatan antara parti-parti politik Malaysia dengan Parti Komunis China, Parti Komunis negara lain dan Parti-parti politik bukan komunis negara lain.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Hubungan antara suatu parti politik di negara ini dengan mana-mana parti politik dari negara lain adalah hal parti tersebut. Pada masa kini, tiada sekatan, peraturan atau protokol rasmi yang ditetapkan untuk menyelaraskan hubungan tersebut selagi mana hubungan berkenaan tidak bertujuan untuk mengancam keselamatan negara atau melanggar undang-undang Malaysia.

Sekian, terima kasih.